

Bahagian A
[40 markah]

Jawab semua soalan

- 1 Tamadun Mesir Purba telah memberikan sumbangan yang penting kepada ketamadunan manusia.



Gambar : Pokok papyrus

- (a) Apakah sumbangan pokok papyrus dalam perkembangan tamadun Mesir Purba ?
- i)
- ii)
- [2 markah]
- (b) Gambar menunjukkan seni bina piramid dalam tamadun Mesir Purba.



Jelaskan sumbangan tamadun Mesir Purba dalam bidang seni bina.

.....
.....
.....

[2 markah]

- (c) Mengapakah bidang sains dan teknologi tamadun Mesir Purba penting kepada kemajuan ketamadunan manusia ?

.....
.....
.....

[3 markah]

- (d) Bagaimanakah Malaysia boleh mengembangkan bidang sains dan teknologi dalam negara ?

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- 2 Carta masa berikut berkaitan dengan jangka masa Zaman Jahiliah.

ZAMAN JAHILIAH			
Tarikh	300 Masehi	570 Masehi	610 Masehi
Peristiwa	Pecahnya Empangan Maarib.	Kelahiran Nabi Muhammad SAW	Turun wahyu kepada Nabi Muhammad SAW dan bermulalah Zaman Islam.

- (a) Apakah punca keruntuhan empangan Maarib di Sabak ?

.....
.....

[2 markah]

- (b) Zaman Jahiliah dianggap sebagai zaman kegelapan.
Berikan komen anda.

.....
.....
.....

[3 markah]

- (c) Jelaskan kesan daripada peristiwa 610 M dalam carta masa tersebut.

.....
.....

[2 markah]

- (d) Amalan jahiliah boleh menjasakan keharmonian masyarakat. Berikan penjelasan anda.

.....
.....
.....

[3 markah]

3 Pakatan murni telah terbentuk sejak sebelum pembentukan Parti Perikatan.

- (a) Jelaskan maksud pakatan murni.

.....

.....

[2 markah]

- (b) Senaraikan **dua** usaha dalam melahirkan pakatan murni menjelang kemerdekaan di negara kita.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (c) Bagaimakah amalan pakatan murni dapat diterapkan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara kita ?

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (d) Sejauhmanakah pakatan murni dapat menjamin kesejahteraan rakyat di negara ini ?


.....

.....

.....

[3 markah]

- 4 Rajah menunjukkan lambang-lambang negara.



- (a) Nyatakan maksud simbol berikut dalam lambang negara :
- (i) Bulan Sabit :
- (ii) Bintang pecah 14 :

[2 markah]

- (b) Apakah kepentingan lambang-lambang negara ?

.....
.....
.....

[2 markah]

- (c) Bagaimanakah cara anda menunjukkan rasa bangga terhadap bendera kebangsaan ?

.....
.....
.....

[3 markah]

- (d) Sebagai warganegara Malaysia, cadangkan tindakan-tindakan yang boleh dikenakan kepada individu yang tidak menghormati lambang negara kita.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja

- 5 Kerajaan Angkor merupakan salah sebuah kerajaan agraria dalam tamadun awal Asia Tenggara

- (a) Terangkan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat Agraria. [6 markah]
- (b) Jelaskan faktor yang membawa kejayaan kerajaan Angkor sebagai sebuah kerajaan yang maju dalam bidang pertanian. [6 markah]
- (c) Pertanian masih menjadi kegiatan yang penting dalam negara, mengapakah kegiatan pertanian masih diberi tumpuan pada hari ini ? [8 markah]

- 6 Kedatangan Islam telah membawa perubahan terhadap cara hidup atau budaya masyarakat Tanah Melayu terutamanya dalam aspek pendidikan, kesenian, bahasa dan kesusasteraan , serta adat dan nilai hidup mereka.

- (a) Apakah maksud pendidikan tidak formal ? [4 markah]
- (b) Terangkan amalan gaya hidup masyarakat Melayu tradisional setelah menerima pengaruh Islam. [8 markah]
- (c) Segelintir generasi muda hari ini semakin meninggalkan amalan hidup bermasyarakat.
Pada pendapat anda, mengapakah keadaan tersebut berlaku? [8 markah]

- 7 Dasar ekonomi British di Tanah Melayu sehingga awal abad ke -20 meninggalkan banyak kesan antaranya perbandaran dan kewujudan masyarakat majmuk.

- (a) Apakah faktor-faktor berlakunya proses perbandaran ? [4 markah]
- (b) Jelaskan kesan pembentukan masyarakat majmuk kepada negara. [8 markah]
- (c) Cadangkan usaha-usaha untuk mengekalkan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. [8 markah]

- 8 Imperialisme merampas kedaulatan negara dan kebebasan masyarakat secara paksa di bawah penjajahan kuasa asing.

Sumber :Wan Abdul Rahman Latif et al.:1996:285

- (a) Mengapakah imperialisme berlaku di Asia Tenggara ? [8 markah]
- (b) Mengapakah kita perlu mempertahankan negara kita daripada dijajah ? [6 markah]
- (c) Jelaskan persediaan yang perlu anda lakukan untuk mempertahankan negara kita daripada dijajah. [6 markah]

- 9 Gerakan penentangan pemimpin dan masyarakat tempatan pada awal kedatangan British di Tanah Melayu merupakan reaksi spontan mereka untuk menjaga kepentingan daripada dicerobohi dan dikuasai oleh orang luar.

- (a) (i) Jelaskan tindakan James Brooke yang menimbulkan penentangan pemimpin tempatan di Sarawak. [4 markah]
- (ii) Mengapakah berlaku penentangan Haji Abdul Rahman Limpong di Terengganu ? [4 markah]
- (b) Meskipun perjuangan tokoh-tokoh tempatan terhadap British menemui kegagalan , namun kebangkitan perjuangan mereka menjadi asas kepada gerakan nasionalisme di Tanah Melayu.
Buktikan kebenaran pernyataan tersebut. [6 markah]
- (c) Terangkan kesan penentangan pemimpin tempatan kepada British. [6 markah]

- 10 Maklumat berikut mengenai dasar pembangunan sosial yang dilaksanakan oleh kerajaan.

- Akta Bahasa Kebangsaan
- Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- Sukan untuk perpaduan

- (a) Jelaskan matlamat dasar pembangunan sosial tersebut. [6 Markah]
- (b) Bagaimanakah amalan dasar tersebut dapat mencapai matlamat di (a) ? [8 markah]
- (c) Pada pandangan anda, apakah halangan untuk mencapai matlamat tersebut ? [6 markah]

11 Malaysia mempunyai bentuk dasar luarnya tersendiri dan dipengaruhi oleh beberapa faktor yang boleh membawa kebaikan kepada negara dan rakyat seluruhnya.

(a) Jelaskan maksud bentuk hubungan luar di bawah :

(i) Hubungan Bilateral. [2 markah]

(ii) Hubungan Multilateral. [2 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan asas penggubalan dasar luar Malaysia

- Faktor sejarah
- Faktor ekonomi
- Faktor demografi

Bagaimakah faktor tersebut mempengaruhi penggubalan dasar luar negara kita ? [8 markah]

(c) Hubungan luar yang luas telah memberi manfaat kepada masyarakat dan negara Malaysia. Berikan penjelasan anda. [8 markah]

SOALAN TAMAT